SAMPEL PERCUMA

Trial STPM Sem 1 Perakaunan Perak

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar

Sampel bermula di muka surat sebelah

Soalan 1

(a) Bagi setiap urus niaga yang berikut, nyatakan prinsip atau andaian perakaunan yang tidak dipatuhi.

(i) Encik Jamal menjalankan perniagaan menjual barangan lama. Salah satu koleksi barangan lama dalam simpanan beliau yang dibeli dua tahun yang lalu dengan harga RM3,000 telah meningkat nilainya kepada RM4,000. Encik Jamal telah merekodkan barangan itu pada nilai pasaran. Tidak mematuhi kos sejarah

(ii) Puan Diana ingin memulakan perniagaan butik pakaian. Beliau memindahkan pemilikan sebuah bangunan miliknya sendiri kepada pemilikan perniagaan. Beliau menganggarkan bangunan itu bernilai RM142,000, manakala seorang jurunilai bertauliah menilai bangunan ini pada nilai RM138,000. Bagaimanapun, Puan Diana telah merekodkan bangunan itu pada RM142,000 Tidak mematuhi prinsip kebjektifan

(iii) Rekod Syarikat Khana Sdn. Bhd. menunjukkan nilai kos inventori akhir berjumlah RM76,000. Walaubagaimanapun, nilai bersih inventori yang direalisasi ialah RM65,000. Akauntan syarikat itu tidak merekodkan penurunan harga berkenaan berkenaan apabila menyediakan akaun akhir. Beliau berpendapat bahawa harga jualan akan meningkat semula pada tahun akan datang. Tidak mematuhi prinsip konservatisma

(iv) Syarikat Bibah Sdn Bhd menandatangani kontrak dengan seorang pelanggan untuk membekalkan beberapa peralatan pembinaan bernilai RM30,000. Semasa menandatangani kontrak, pelanggan itu membayar RM8,000 sebagai pembayaran pendahuluan. Akauntan syarikat itu mendebitkan akaun penerimaan tunai dan mengkreditkannya ke dalam akaun jualan. Tidak mematuhi realisasi

(v) Puan Hazmira telah melaburkan sejumlah wang untuk memulakan perniagaannya, Hazmira Enterprise pada tahun 2019. Dalam tahun kewangan semasa beliau telah menggunakan sebahagian wang perniagaan membayar sejumlah pinjaman peribadi beliau dan merekodkannya sebagai belanja operasi Hazmira Enterprise. X mematuhi entiti b

(vi) Puan Azie, pemilik perniagaan Azie Enterprise yang menjalankan perusahaan tauhu segar telah mendapat tempahan daripada Restoran Nana sebanyak 200 unit berjumlah RM500 untuk dihantar pada bulan hadapan. Puan Azie telah merekodkan tempahan tersebut sebagai hasil pada bulan semasa. Tidak mematuhi prinsip realisasi

(vii) Perniagaan Prokash telah menggunakan kaedah susutnilai garis lurus bagi merekodkan belanja susutnilai dan susutnilai terkumpul. Pada tahun 2020, akauntan telah menukarkan kaedah garis lurus kepada kaedah baki berkurangan tanpa mendedahkan dalam penyata kewangan. Tidak mematuhi prinsip ketekalan

(viii) Belian 10 unit tong sampah bernilai RM50 seunit telah disusutnilaikan selama 5 tahun oleh kerani akaun Syarikat Olla Berhad Tidak mematuhi kematerialan

(ix) En. Saidon seorang pengusaha perabot telah membeli kayu secara kredit pada 1 April 2020 dan beliau hanya merekodkan urusniaga tersebut apabila pembayaran telah dibuat pada 30 Jun 2020 X mematuhi prinsip pemadanan

(x) Syarikat Ahwin telah membeli sebuah peralatan pada harga RM 15 000 pada 1 Januari 2018. Aset ini mempunyai jangka hayat selama 5 tahun tetapi oleh kerana syarikat dijangka akan dibubarkan pada tahun 2020 , adalah dicadangkan bahawa aset ini disusutnilaikan atas tempoh 2 tahun. X mematuhi usaha berterusan

[10]

Soalan 2

(a) Syarikat Karisma Sdn Berhad telah memulakan perniagaan kitar semula kertas beberapa tahun yang lalu. Syarikat bercadang untuk meningkatkan kapasiti pengeluaran kertas dengan penjenamaan semula dan menambah aset syarikat

Syarikat telah memulakan urus niaga penjenamaan ini bermula 1 Januari 2020 seperti berikut:

1. Pada 1 Januari, syarikat membeli sebidang tanah dan sebuah bangunan daripada Syarikat Nmax Bhd. Harga yang dibayar melalui cek untuk tanah dan bangunan dengan amaun masing-masing RM1,500,000 dan RM450,000.
2. Pada 1 Mac, syarikat telah memperoleh kenderaan terpakai dengan harga RM78,000. Amaun yang terlibat untuk mengecat semula kenderaan dengan warna dan logo syarikat ialah RM5,000. Manakala amaun untuk membeli insurans ialah RM2,780 dan cukai jalan ialah RM280. Kenderaan tersebut dijangka boleh digunakan selama lima tahun dan dapat dijual semula dengan harga RM22,000 pada akhir usia gunanya. Syarikat mengamalkan susut nilai kaedah garis lurus dan dikenakan sepenuhnya pada tahun dibeli. $\frac{78000-22000}{5} = 11200$
3. Pada 15 Mei, syarikat memperoleh paten bagi satu keluaran kertas lestari bernilai RM30,000
4. Pada 24 September, syarikat membeli 200,000 unit saham biasa pada harga RM2.50 seunit dalam Syarikat Avantiz Bhd
5. Syarikat mengamalkan sistem inventori berkala. Pada 31 Disember, kerani inventori telah mendapati:

500
100 1400
5200 3480

Baki awal 250 unit pada kos RM5.00 seunit
Belian 1,500 unit pada kos RM5.50 seunit
Jualan 1,400 unit pada harga jualan RM15.50
Belian 5,200 unit pada kos RM5.80
Jualan 3,480 unit pada harga jualan RM15.50

Dikehendaki :

i) Sediakan catatan jurnal am bagi urus niaga (1) hingga (4) di atas [10]

ii) Hitung kos inventori akhir, kos barang dijual dan untung kasar mengikut kaedah Masuk Dahulu Keluar Dahulu (MDKD) bagi urus niaga (5) di atas [6]

iii) Sediakan bahagian aset (kecuali Bank) bagi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2020 bagi semua urusniaga di atas [4]

Soalan 3

Berikut adalah petikan liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Xmax Berhad pada 31 Disember 2020:

	RM
Liabiliti Bukan Semasa	
Pinjaman	145,000
Bon 6%	90,000
Liabiliti Semasa	
Akaun Belum Bayar	32,000
Hasil Belum Terperoleh	18,000
Faedah belum bayar	21,600
Belanja sewa belum bayar	1,700

Maklumat-maklumat berkaitan liabiliti Syarikat Xmax Berhad yang belum diambil kira adalah seperti yang berikut:-

a. Belian kredit barang niaga daripada Syarikat Nouvo berjumlah RM10,000 telah melepasi tempoh kredit 30 hari. Pada 1 Disember 2020 , status hutang ini telah ditukar kepada Nota Belum Bayar 9%, 90 hari.

b. Syarikat Xmax Berhad mempunyai seramai 40 pekerja. Sebanyak RM55,300 dikeluarkan untuk pembayaran gaji pekerja untuk bulan Disember. Sebanyak 11% dan 5% diketepikan untuk bayaran KWSP pekerja dan juga cukai pendapatan pekerja. Majikan juga diarahkan untuk mencarum KWSP majikan sebanyak 12%. Semua bayaran akan dibuat pada hari pertama bulan berikutnya.

55300x11% = 6083
55300x5% = 2765
55300x12% = 6636

c. Pinjaman jangka panjang dalam penyata adalah baki jumlah pinjaman yang telah diterima pada 1 Januari 2020 untuk tempoh 15 tahun. Jumlah pinjaman yang diluluskan adalah RM150,000. Faedah pinjaman dikenakan sebanyak 7% setahun. Pokok dan faedah dibayar setiap 6 bulan. 150000x7% = 10500

d. Cukai pendapatan Syarikat Xmax Berhad untuk tahun semasa sebanyak RM41,700 yang akan dijelaskan pada 15 Januari 2021.

e. Bon yang diterbitkan pada 1 Januari 2016 telah matang pada 31 Disember 2020.

f. Tempahan barang oleh pelanggan yang telah dibuat pembayaran pada bulan November telah siap sepenuhnya dan dihantar kepada pelanggan.

g. Syarikat telah membeli sebuah lori yang berharga RM 110,000 melalui pembayaran cek RM 10,000 dan bakinya dijelaskan dengan nota belum bayar 6% , 5 tahun.

h. Pada bulan Julai 2020, syarikat telah didakwa atas pertuduhan pencemaran alam sekitar kerana bahan buangan tercemar. Pada 27 Disember 2020, mahkamah telah memutuskan bahawa Syarikat Xmax Berhad telah didapati bersalah dan didenda sebanyak RM15,000. Bayaran denda dibuat pada keesokan hari.

Dikehendaki :

i) Catatan jurnal untuk merekod pelarasan yang diperlukan pada 31 Disember 2020 bagi setiap urusniaga yang dinyatakan. [15]

ii) Bahagian liabiliti bagi penyata kedudukan kewangan Syarikat Xmax Berhad pada 31 Disember 2020. [5]

Soalan 4

a. Nyatakan **dua** perbezaan antara saham syarikat dengan saham koperasi.

b. Berikut ialah Imbangan Duga Koperasi Peladang Kinta Berhad pada 31 Disember 2020

	Debit **(RM)**	***Kredit*** **(RM)**
Modal yuran		350,000
Modak saham		250,000
Pendapatan tertahan		125,406
Kumpulan Wang Rizab Berkanun		100,560
Tabung Kebajikan Ahli		2,718
Kumpulan Wang Amanah pendidikan		5,890
Akaun Rizab Modal		12,890
Jualan		909,396
Kos Jualan	433,380	
Belanja mesyuarat agung	15,700	
Belanja gaji pekerja	185,600	
Belanja utiliti	19,490	
Belanja pejabat	21,390	
Faedah pinjaman	12,000	
Elaun ahli lembaga	15,000	
Elaun juruaudit dalam	1,500	
Belanja pelbagai	14,500	
Komisen diterima		15,600
Derma	29,600	
Pelaburan	523,900	
Peralatan	345,000	
Susut nilai terkumpul peralatan		23,800
Tunai di pejabat	1,870	
Tunai di bank	145,890	
Akaun Belum terima	89,500	
Akaun Belum Bayar		69,590
Pinjaman bercagar(kadar faedah 8%)		150,000
Inventori pada 31 Disember 2020	161,530	
Jumlah	2,015,850	2,015,850

Maklumat tambahan :

(1) Polisi koperasi menetapkan bahawa semua peralatan disusut nilai pada kadar 10% setahun. $\frac{345000}{10} = 34500$

(2) Pelaburan yang dibuat adalah bagi tempoh jangka masa yang panjang

(3) Peruntukan zakat perniagaan RM3,500 ditetapkan oleh Pusat zakat Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2020.

Belanja Faedah

(4) Terdapat 20% daripada pinjaman bercagar (kadar faedah 8%) akan matang dalam tempoh 12 bulan akan datang. 150000 x 20% = 30000

(5) Terdapat peruntukan yang dibuat pada akhir tahun semasa seperti yang berikut :

a. Kumpulan Wang Rizab berkanun ialah 13% atas keuntungan koperasi

b. Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi ialah 1% atas keuntungan koperasi.

c. Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi ialah 1% atas keuntungan koperasi.

d. Tabung kebajikan ahli ialah 10% atas keuntungan koperasi.

e. Mencadangkan Dividen modal saham dan modal yuran masing-masing 10% dan 5%.

f. Kadar 8% sebagai honorarium ahli lembaga koperasi

Dikehendaki :

Sediakan, bagi Koperasi Peladang Kinta Berhad,

a. Penyata pendapatan komprehensif bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [7]

b. Penyata pembahagian untung rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2020 [7]

c. Bahagian ekuiti pemilik penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 [4]

Soalan 5

a. Kabinet Solariz mengusahakan perniagaan mengeluar dan memasang kabinet pejabat dan rumah sejak tahun 2012. Beliau tidak menyimpan rekod yang lengkap. Walaubagaimanpun, maklumat berikut telah diperolehi daripada buku akaun bagi tahun berakhir 30 Jun :

	2019	2020
Akaun belum terima	24,750	54,450
Akaun belum bayar	37,950	45,900
Sewa dibayar terdahulu	3,300	3,600
Tunai	1,200	900
Overdraf bank	1,650	30,690
Peralatan (nilai bersih)	82,500	?
Inventori bahan mentah	33,000	44,715
Inventori barang siap	66,000	53,790
Hasil belum terperoleh (Lucy)	-	450

Maklumat tambahan :

i. Bagi tahun berakhir 30 Jun 2020, Kabinet Solariz telah membeli sebuah peralatan baru pada kos RM24,750. Tiada peralatan lama yang dijual bagi tahun semasa. Perniagaan Kabinet Solariz menetapkan susut nilai pada kadar 10% atas baki nilai buku peralatan yang masih ada pada akhir tempoh perakaunan. Beliau telah diberitahu oleh seorang pembekal bahawa salah satu unit peralatan yang mempunyai nilai buku RM4,950 boleh dijual dengan harga RM8,100.

ii. Inventori bahan mentah pada 30 Jun 2020 termasuk aluminium yang berkos RM9,075 yang mana tidak dapat digunakan lagi kerana tidak menepati kualiti yang ditetapkan. Aluminium tersebut akan dijual pada bulan Julai 2020 dengan nilai skrap RM1,980.

iii. Inventori akhir barang siap pada 30 Jun 2020 termasuk sebuah kabinet dapur yang telah ditempah khas oleh pelanggan. Kos membuat kabinet tersebut ialah RM5,250. Kabinet tersebut akan dihantar kepada pelanggan pada bulan Julai 2020 dengan nilai invois RM6,300

iv. Hasil belum terperoleh adalah bayaran pendahuluan untuk kabinet pejabat yang akan dihantar kepada Lucy pada bulan Ogos 2020.
Pelanggan Roy juga telah memesan dan membuat bayaran pendahuluan RM3,000 kepada Kabinet Solariz untuk kabinet dapur baru. Catatan hanya dibuat dalam buku tunai.

v. Satu nota kredit telah dikeluarkan pada 28 Jun 2020 untuk kabinet televisyen yang dipulangkan oleh pelanggan. Kabinet tersebut telah dijual pada harga RM1,800 dengan tokokan 20% atas kos. Urusniaga ini belum direkod dalam mana-mana buku dan belum diambil kira dalam penghitungan inventori akhir.

vi. Sepanjang tahun berakhir 30 Jun 2020, Kabinet Solariz telah mengambil tunai dari kutipan akaun belum terima RM12,000 untuk kegunaan keluarga. Selain daripada itu, beliau juga telah membayar belanja peribadi berjumlah RM6,000 dengan cek perniagaan.

Dikehendaki :

i. Sediakan penyata untuk menghitung modal pada 1 Julai 2019 [3]

ii. Sediakan penyata kedudukan kewangan pada 30 Jun 2020 untuk menghitung untung bersih atau rugi bersih Kabinet Solariz [9]

b. Maklumat di bawah dipetik daripada buku Forza Trading:-

BAUCER PEMBAYARAN
FORZA TRADING
LOT 3, BANGUNAN NVX
31350 IPOH, PERAK

BAYAR KEPADA : HONDAH ENTERPRISE

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH (RM)	TANDA TANGAN PENERIMA
1.	Menjelaskan invois INV2045 bertarikh 17 Mac 2019.	4,400	*Hamidah*

(RINGGIT MALAYSIA: EMPAT RIBU EMPAT RATUS SAHAJA)

NO. CEK : MBB 001154

DILULUSKAN OLEH:

.....
( )

Dikehendaki:

i. Kenalpasti DUA ciri-ciri kawalan dalaman yang tidak terdapat dalam baucer pembayaran di atas dan terangkan bagaimana ciri-ciri tersebut merupakan langkah kawalan. [4]

ii. Apakah yang dimaksudkan dengan kawalan dalaman serta jelaskan DUA kepentingan kawalan dalaman. [4]

TAMAT SAMPEL

Suka sampel ini?

Set penuh: Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Perakaunan

Sampel ini: 7 muka surat. Set penuh ada:

- 3 fail PDF
- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SET PENUH RM12.90 >

nightmew.com/p/stpm · FPX semua bank · download sejurus lepas bayar